

04 JAN 2003

Nazri-Kraf

PERBADANAN KRAFTANGAN PERLU PERHEBAT PROMOSI BARANGAN KRAF

LANGKAWI, 4 Jan (Bernama) -- Perbadanan Kraftangan Malaysia perlu memperhebatkan promosi dan pemasaran produk kraf tempatan bagi mengelak mana-mana pihak mengambil kesempatan menjual kraftangan dari negara lain, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Beliau berkata perkara ini perlu diberi perhatian serius bagi memastikan produk tempatan dapat dijual di merata-rata kedai untuk memudahkan pembeli mendapat produk yang diminati dengan pelbagai pilihan.

"Kita harus mencontohi China, India, Thailand dan Indonesia kerana mereka bangga dengan produk kraf masing-masing," katanya ketika melancarkan Malam Gemilang Mahsuri sempena Fiesta Kraf di Kompleks Kraf Langkawi di sini malam tadi.

Fiesta itu yang bertujuan mempromosi barangan kraf tempatan bermula Rabu lepas dan berlangsung sehingga esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang sedang melakukan lawatan persendirian di Langkawi turut melawat pameran kraf serta menyaksikan persembahan yang diadakan malam tadi.

Mohamed Nazri berkata perbadanan itu perlu memberi penekanan kepada penyelidikan, pembangunan dan penggunaan ICT dalam pembuatan produk bagi mencetuskan idea-idea baru.

"Dengan perubahan reka bentuk, rekaan produk mengikut cita rasa pasaran akan lahir peluang pasaran bagi membolehkan industri kraf bersaing dengan negara lain seperti Thailand, India, Indonesia dan Filipina," katanya.

Beliau turut menyarankan Perbadanan Kraftangan supaya meneruskan usaha-usaha membimbing usahawan kraf dari segi pembangunan kraf, promosi dan penggunaan ICT dalam rekaan dan pengeluaran serta keusahawanan.

Sementara itu, Semarak Resort dan Kampung Tok Senik masing-masing memenangi anugerah kategori resort dan kategori hotel bertaraf empat bintang bagi pertandingan penggunaan produk kraf tempatan oleh hotel serta resort di Langkawi.

Manakala The Andaman Resort memenangi anugerah kategori hotel lima bintang.

-- BERNAMA

ZI MZM ROS